

Tahap penerimaan dan keberkesanan kursus tasawwur islam dalam kalangan mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah

ABSTRACT

Penawaran pengajian peringkat asasi di Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah sama seperti yang ditawarkan di universiti tempatan lain iaitu kepada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dalam menempuh peringkat asasi di Universiti Malaysia Sabah, para pelajar yang beragama Islam perlu mengikuti subjek Tasawwur Islam sebagai salah satu mata pelajaran wajib. Subjek Tasawwur Islam ini merupakan satu kelangsungan penerapan ilmu keagamaan kepada mahasiswa Muslim bagi memberikan tambah nilai dalam kehidupan mereka. Persoalan yang timbul di sini adalah adakah kursus Tasawwur Islam ini memberi impak yang memberangsangkan terhadap kehidupan pelajar? Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap penerimaan dan keberkesanan kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di UMS. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif iaitu berdasarkan soal selidik yang diedarkan menerusi Google Form. Terdapat seramai 50 responden dalam kalangan pelajar-pelajar asasi di UMS yang telah meluangkan masa untuk turut serta memberikan pandangan dan persepsi mereka terhadap tahap penerimaan dan keberkesanan kursus Tasawwur Islam di peringkat asasi. Hasil penawaran kursus Tasawwur Islam di peringkat asasi menunjukkan 84% dari pelajar dapat menambah ilmu pengetahuan pelajar khususnya dalam selok belok agama Islam, 60% pelajar dapat mengaplikasikan ilmu-ilmu yang diperolehi dalam kehidupan seharian dan 42% pelajar dapat mengubah diri mereka menjadi seorang yang lebih baik dari sebelumnya. Secara keseluruhannya, penawaran kursus Tasawwur Islam di peringkat asasi ini sangat memberikan impak positif terhadap kehidupan mahasiswa bagi menempuh hari-hari yang mendatang.